

2025 **RISALAH NASIHAT PERCUKAIAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
www.hasil.gov.my

ISI KANDUNGAN

Manfaat Cukai Demi Kemakmuran Bersama	1
Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai (TIN)	2
Cukai Pendapatan Individu	3
Perbezaan Layanan Cukai Pendapatan Individu	
Jenis Pendapatan Yang dikenakan Cukai	
Tanggungjawab Individu (Penggajian)	
Tanggungjawab Individu (Perniagaan)	
Pendapatan Perniagaan Individu dan Perkongsian	
Perbelanjaan Perniagaan	
Pelepasan Cukai Individu Tahun Taksiran 2024	
Kadar Cukai Pendapatan Individu	
Majikan dan Pekerja	11
Tanggungjawab Majikan	
Potongan Cukai Bulanan (PCB)	
Jenis Borang Berkaitan Dengan Majikan	
Cukai Korporat	13
Tanggungjawab Syarikat	
Kesalahan	
Kadar Cukai Pendapatan Korporat	
Manfaat Penyimpanan Dokumen Cukai Pendapatan	16
Perkhidmatan Dalam Talian HASiL	17
e-Filing	18
e-Invois	19
Lain-Lain Informasi	20

PENAFIAN:

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

MANFAAT CUKAI DEMI KEMAKMURAN BERSAMA



INFRASTRUKTUR DAN
PENGANGKUTAN AWAM



PEMBANGUNAN



HOSPITAL DAN KESIHATAN



INSTITUSI PENDIDIKAN



PERTAHANAN DAN KESELAMATAN AWAM

PENDAFTARAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI



INDIVIDU

e-Daftar



- Bermula 2022, pendaftaran adalah secara automasi bagi rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas
- Pendaftaran menggunakan Portal MyTax iaitu <https://mytax.hasil.gov.my/>



SYARIKAT

MyCoID SSM



- Melalui Portal Malaysia Corporate Identity (MyCoID)
- Nombor Pengenalan Cukai (TIN) akan diberikan secara automatik kepada syarikat.

CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

Cukai pendapatan ialah cukai yang dikenakan pada setiap tahun terhadap seseorang yang menerima pendapatan bersifat hasil seperti:

1. Laba / keuntungan daripada sesuatu perniagaan;
 2. Laba / keuntungan daripada penggajian;
 3. Dividen, faedah atau diskaun;
 4. Sewa, royalti atau premium;
 5. Pencen, anuiti atau bayaran berkala lain; dan
 6. Laba / keuntungan yang tidak termasuk dalam mana-mana butiran di atas.
- Cukai pendapatan dikenakan terhadap setiap individu bagi pendapatan yang terakru atau terbit di Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia bagi setiap tahun taksiran.
 - Seseorang individu yang mempunyai jumlah pendapatan MELEBIHI nilai ambang yang ditetapkan, yang boleh dikenakan cukai perlu mendaftar fail cukai pendapatan.
 - Skop pengenaan cukai seseorang individu adalah bergantung kepada taraf mastautinnya.



Imbas Kod QR
untuk info
Scan QR Code
for more info



- Berdasarkan keberadaan fizikal di Malaysia

- Sekurang-kurangnya berada secara fizikal di Malaysia selama 182 hari atau lebih dalam satu tahun kalendar

- Bukan berdasarkan kewarganegaraan dan atau kerakyatan

PERBEZAAN LAYANAN Cukai Pendapatan Individu

Individu Pemastautin		Individu Bukan Pemastautin
Kadar cukai secara progresif	Kadar Cukai	Cukai pada kadar 30%
Layak menuntut pelepasan cukai	Pelepasan Cukai	Tidak layak menuntut pelepasan cukai
Layak menuntut rebat cukai	Rebat Cukai	Tidak layak menuntut rebat cukai
Pendapatan luar negara tertentu yang diterima di Malaysia diberi pengecualian cukai untuk tempoh dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026.	Pendapatan	Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia tidak dikenakan cukai

Individu yang menerima **pendapatan penggajian tahunan melebihi RM 37,333** dan mereka yang mempunyai Potongan Cukai Bulanan **layak dikenakan cukai**.

Pengiraan **ambang jumlah pendapatan individu yang TIDAK DIKENAKAN CUKAI** adalah mengambil kira **pendapatan kasar tahunan ditolak dengan pelepasan asas individu dan rebat cukai** yang layak.

Pelepasan asas yang diambil kira adalah:

1. Pelepasan individu dan saudara tanggungan serta
2. Pelepasan suami / isteri
3. Anak (di bawah umur 18 tahun) bagi individu yang telah berkahwin.

Rebat (Tambahan tolakan) adalah dibenarkan sekiranya pendapatan bercukai individu tersebut tidak melebihi RM35,000 (setahun) sebanyak:

1. Rebate individu (RM400) serta
2. Pasangan (RM400 jika berkenaan)

JENIS PENDAPATAN Yang Dikenakan Cukai



 Perniagaan / Profesion	Penggajian	Dividen
	Diskaun	Sewa
	Premium	Pencen
	Anuiti	Lain-lain
Faedah		
Royalti		


- Semua jenis pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin kini tertakluk kepada cukai.
- Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian untuk pendapatan luar negara tertentu yang dikecualikan cukai untuk tempoh dari 1 Januari 2022 - 31 Disember 2026.



TANGGUNGJAWAB Individu (Penggajian)



TANGGUNGJAWAB Individu (Perniagaan)



PENDAPATAN PERNIAGAAN Individu dan Perkongsian




	Penulis	Pemandu Teksi/ e-Hailing
Perniagaan Runcit	Youtuber/ Blogger	Lakonan/ Nyanyian
Jualan Langsung	Instafamous/ Ulasan Berbayar	Komisen
Gerei/ Pasar Malam	Perkhidmatan Profesional	Kelas Tusyen/ Taska/ Tadika
Penceramah/ Perunding Imej	Broker Saham / Ejen Insurans	Pertanian dan Penternakan

- Keuntungan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion adalah pendapatan yang layak dikenakan cukai [termasuk perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa (Ekonomi Bayangan)].
- Perniagaan terdiri daripada:
 - Milikan Tunggal / Perniagaan Sendiri
 - Perkongsian



Imbas Kod QR
untuk info
Scan QR Code
for more info

Pendapatan kasar
perniagaan terdiri daripada:



PERBELANJAAN Perniagaan



DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN
Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan Contoh: • Upah gaji pekerja • KWSP / PERKESO pekerja • Insuran perniagaan (kecurian /kebakaran) • Sewa premis perniagaan • Faedah atas pinjaman/ Overdraif bagi tujuan perniagaan • Perbelanjaan pembaikan premis / kenderaan yang digunakan untuk perniagaan • Hutang lapuk tertentu	Perbelanjaan persendirian Contoh: • Bil elektrik / telefon / bil air rumah kediaman • yuran pendidikan anak Perbelanjaan pembelian aset peribadi Contoh: • Kereta • Rumah • Perabot Perbelanjaan permulaan Contoh: • Perbelanjaan penubuhan perniagaan Lain-lain Perbelanjaan Contoh: • Susutnilai • Peruntukan hutang ragu • Derma / sumbangan yang tidak diluluskan

- **Tarikh akhir pengemukaan Borang B, P dan M** (menjalankan perniagaan) serta pembayaran baki cukai kena dibayar (jika ada) ialah **pada 30 Jun setiap tahun.**
- Rujuk semua penyata pendapatan berkaitan & dokumen sokongan semasa pengisian borang.
- Sila pastikan kod perniagaan diisi dengan betul dalam Borang Nyata. Senarai kod perniagaan boleh diperolehi di www.hasil.gov.my
- Akaun perniagaan dan dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa pengemukaan BN.
- BN perlu dikemukakan walaupun perniagaan mengalami kerugian, dan anda digalakkan untuk membuat penghantaran BN melalui sistem e-Filing.

PELEPASAN INDIVIDU



**SUAMI/ISTERI/ALIMONI
KEPADA BEKAS ISTERI**
RM4,000



**INDIVIDU DAN
SAUDARA
TANGGUNGAN**
RM9,000



**YURAN PENGAJIAN
(SENDIRI)**
RM7,000

I) DI PERINGKAT TERTIARI SELAIN
SARJANA ATAU DOKTOR FALSFAH

II) PERINGKAT SARJANA ATAU
DOKTOR FALSFAH

III) KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN
ATAU KEMAJUAN DIRI
(TERHAD RM2,000)

**POTONGAN
TAMBAHAN**

**INDIVIDU
KURANG UPAYA**
RM6,000

**SUAMI / ISTERI
KURANG UPAYA**
RM5,000

INSURANS & CARUMAN



**SKIM PERSARAAN
SWASTA DAN
ANUITI TERTANGGUH**
RM3,000



**SSPN
(TABUNGAN BERSIH)**
RM8,000



**PERKESO /
SISTEM INSURANS
PEKERJAAN**
RM350

**INSURANS PENDIDIKAN
DAN PERUBATAN
(INDIVIDU, SUAMI, ISTERI
ATAU ANAK)**
RM3,000

INSURANS NYAWA DAN KWSP
RM7,000

I) PREMIUM INSURANS NYAWA /
CARUMAN KWSP (SUKARELA) /
KEDUA-DUANYA
(TERHAD RM3,000)

II) CARUMAN KWSP
(SUKARELA / WAJIB) /
SKIM YANG DILULUSKAN
(TERHAD RM4,000)

GAYA HIDUP

GAYA HIDUP
RM2,500

**MANFAAT DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK**

I) PEMBELIAN ATAU LANGGANAN BAHAN BACAAN

II) PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI,
TELEFON PINTAR / TABLET

III) BIL LANGGANAN INTERNET (NAMA SENDIRI)

IV) YURAN KURSUS PENINGKATAN
KEMAHIRAN / KEMAJUAN DIRI



**GAYA HIDUP -
PELEPASAN TAMBAHAN
MANFAAT DIRI SENDIRI,
PASANGAN, ATAU ANAK**
RM1,000

I) PEMBELIAN PERALATAN SUKAN

II) SEWAAN / FI DI MANA-MANA
FASILITI SUKAN

III) FI PENDAFTARAN PERTANDINGAN
SUKAN

IV) FI KEAHLIAN GIMNASIUM /
LATIHAN SUKAN



**PEMASANGAN / SEWAAN / PEMBELIAN / YURAN
LANGGANAN KEMUDAHAN PENGECAKAN
KENDERAAN ELEKTRIK BAGI
KENDERAAN SENDIRI**
RM2,500

PERUBATAN & KEPERLUAN KHAS



PERBELANJAAN PERUBATAN
RM10,000

(DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK)

I) PENYAKIT SERIUS

II) RAWATAN KESUBURAN
(DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)

III) PEMVAKSINAN (TERHAD RM1,000)

IV) PEMERIKSAAN DAN RAWATAN
PERGIGIAN (TERHAD RM1,000)

TERHAD RM1,000 BAGI:

- ✓ PEMERIKSAAN PERUBATAN
PENUH;
- ✓ UJIAN PENGESANAN COVID-19; DAN
- ✓ PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL /
KONSULTANSI

V) DIAGNOSIS / INTERVENSI AWAL /
PEMULIHAN ANAK KURANG UPAYA
PEMBELAJARAN (TERHAD RM4,000)



**PERBELANJAAN
UNTUK IBU BAPA**
RM8,000

I) PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN,
RAWATAN PERGIGIAN, KEPERLUAN
KHAS DAN PENJAGA

II) PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH
(TERHAD RM1,000)



**PERALATAN SOKONGAN
ASAS OKU
(DIRI SENDIRI, PASANGAN,
ANAK ATAU IBU BAPA)**
RM6,000

PELEPASAN ANAK



**ANAK DI BAWAH
UMUR 18 TAHUN
BELUM BERKAHWIN**
RM2,000



**PELEPASAN TAMBAHAN
ANAK KURANG UPAYA**
RM8,000

I) UMUR 18 TAHUN KE ATAS

II) BELUM BERKAHWIN

III) BELAJAR SEPENUH MASA
(DIPLOMA DAN KE ATAS DI
MALAYSIA / IJAZAH DAN
KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



**ANAK KURANG UPAYA
BELUM BERKAHWIN**
RM6,000



ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS

RM2,000

I) BELUM BERKAHWIN

II) BELAJAR SEPENUH MASA



**YURAN TASKA /
TADIKA BERDAFTAR**
RM3,000

I) BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH

II) DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA
SUAMI ATAU ISTERI



**PEMBELIAN PERALATAN
PENYUSUAN**
RM1,000

I) PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA

II) ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN

III) POTONGAN SEKALI SETIAP
2 TAHUN TAKSIRAN

PENAFIAN:

Senarai pelepasan cukai individu pemastautin tahun 2024 akan dikemaskini dan dimuat naik ke dalam portal rasmi LHDNM selepas pembentangan Bajet 2025. Ini termasuk perubahan atau penambahbaikan dalam jenis pelepasan yang boleh dituntut, yang mungkin diperkenalkan oleh kerajaan sebagai sebahagian daripada inisiatif fiskal untuk menyokong rakyat.

Dikemaskini sehingga : 17 Disember 2024

KADAR CUKAI PENDAPATAN Individu



JADUAL CUKAI BAGI INDIVIDU PEMASTAUTIN TAHUN TAKSIRAN 2024				
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI	PENGIRAAN RM	KADAR %	CUKAI RM
A	0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	6	600 900
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	11	1,500 2,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	19	3,700 5,700
G	100,001 - 400,000	100,000 pertama 300,000 berikutnya	25	9,400 75,000
H	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	26	84,400 52,000
I	600,001 - 2,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	28	136,400 392,000
J	2,000,000	2,000,000 pertama		528,400
	Melebihi 2,000,000	Setiap ringgit berikutnya	30	



AMBIL PERHATIAN!

Pembayar cukai perlu menyimpan rekod perjalanan keluar / masuk Malaysia bagi pengesahan taraf mastautin (terutama bagi tujuan permohonan Surat Penyelesaian Cukai) untuk mengelakkan kesilapan semasa mengemukakan borang nyata.



MAJIKAN DAN PEKERJA



Seksyen 2 ACP 1967: Majikan adalah:

- Wujud hubungan antara tuan dan orang suruhan (pekerja); atau
- Wujud tanggungjawab membayar gaji

Seksyen 83(6) ACP 1967: Seseorang yang menerima perkhidmatan yang dijalankan orang lain adalah dianggap sebagai majikan.


Bertindak sebagai orang tengah antara LHDNM dan pekerja dalam:

- Membantu LHDNM memungut cukai daripada saraan pekerja;
- Memudahkan pekerja memastikan pematuhan cukai dan meremitkan sebahagian daripada saraan pekerja.




Imbas Kod QR
untuk info
Scan QR Code
for more info

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN EMPLOYERS' RESPONSIBILITY



POTONGAN CUKAI BULANAN



JENIS BORANG BERKAITAN DENGAN MAJIKAN

JENIS BORANG	HURAIAN	CAPAIAN BORANG
Borang CP600 E	Borang Pendaftaran Nombor Majikan	MyTax > e-Daftar
Borang E	Borang Penyata oleh Majikan	MyTax
Borang CP600B	Borang Pemberitahuan Pertukaran Alamat	Borang Maklum Balas Pelanggan > Kemaskini Maklumat Pembayar Cukai
Borang CP22	Pemberitahuan Oleh Majikan Pekerja Baru	MyTax > e-CP22
Borang CP22A	Pemberitahuan Pemberhentian Pekerja (Swasta)	MyTax > e-SPC
Borang CP22B	Pemberitahuan Pemberhentian Pekerja (Kerajaan)	
Borang CP21	Pemberitahuan Oleh Majikan Pekerja yang Hendak Meninggalkan Malaysia	
Borang C.P8A (EA)	Penyata Saraan Daripada Penggajian (Swasta)	Portal LHDNM > Muat turun borang > Majikan
Borang C.P8C (EC)	Penyata Saraan Daripada Penggajian (Kerajaan)	
PCB 2	Penyata Bayaran Cukai Oleh Majikan	Portal LHDNM > Muat turun borang > Lain-lain Borang
Borang PCB/ TP 1	Tuntutan Potongan dan Rebat Untuk Tujuan PCB	
Borang PCB/ TP 3	Maklumat Berkaitan Majikan Tentang Majikan Terdahulu Pada Tahun Semasa Saraan	

CUKAI KORPORAT



Cukai korporat dikenakan ke atas syarikat yang bermastautin di Malaysia, termasuk Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) dan Syarikat Berhad (Bhd).


Syarikat juga memperoleh pendapatan daripada pelbagai sumber:

1. Di Malaysia; dan
2. Dari luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut / udara dan perbankan.



Imbas Kod QR
untuk info
Scan QR Code
for more info

TANGGUNGJAWAB Syarikat



Orang yang bertanggungjawab menjalankan fungsi di atas adalah:

- Pengarah-pengarah Syarikat; atau
- Setiausaha Syarikat; atau
- Pengurus atau Pegawai Utama; atau
- Mana-mana orang yang menjalankan fungsi diatas

Maklumat yang perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan adalah:

- Alamat surat menyurat / alamat premis perniagaan
- Nombor telefon untuk dihubungi
- Pertukaran nama syarikat
- Maklumat ejen cukai (jika berkenaan)

ANGGARAN CUKAI	SYARIKAT BAHARU	SYARIKAT SEDIA ADA	BORANG
Hantar Anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula Bayar	Bulan ke-6 tempoh asas	Bulan ke-2 tempoh asas	CP207
Tarikh bayaran	Sebelum / pada 15 haribulan		CP207
Pindaan Anggaran	Bulan ke-6 atau/ dan ke-9 atau/ dan tempoh asas		CP204A
Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan	Tempoh perakaunan baharu kurang daripada 12 bulan • 30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan baharu. Tempoh perakaunan baharu melebihi 12 bulan • 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal.		CP204B
Penghantaran Borang	7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan		e-C
Tarikh Pembayaran baki cukai (jika ada)	Sebelum / pada hari terakhir penghantaran Borang e-C		CP207

KESALAHAN

Kegagalan syarikat melaksanakan tanggungjawab akan mengakibatkan syarikat akan disabitkan kepada:

KESALAHAN JENAYAH

- Kegagalan menghantar dan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu) dalam Borang Nyata.

KESALAHAN SIVIL

- Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan

KADAR CUKAI KORPORAT

JENIS SYARIKAT	TAHUN TAKSIRAN					
	2009-2015	2016	2017-2018	2019	2020-2022	2023-2024
Modal berbayar sehingga RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50 Juta - Pendapatan bercukai RM500,000 pertama - Pendapatan bercukai selebihnya	20%	19%	18%	17%		
	25%	24%	24%	24%		
- Pendapatan bercukai RM600,000 pertama - Pendapatan bercukai selebihnya					17%	
					24%	
- Pendapatan bercukai RM150,000 yang pertama - Pendapatan bercukai RM150,001 hingga RM600,000 - Pendapatan bercukai RM600,001 dan seterusnya						15%
						17%
						24%
Modal berbayar melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas/ Syarikat selain kategori di atas	25%	24%	24%	24%	24%	24%



AMBIL PERHATIAN!

- Kod perniagaan perlu diisi dengan betul dalam Borang Nyata (BN). Kod perniagaan boleh dirujuk di Portal HASiL www.hasil.gov.my.
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun.
- BN perlu dihantar walaupun perniagaan mengalami kerugian.
- Syarikat dormant tidak perlu menghantar e-CP204, tetapi perlu menghantar Borang e-C.

MANFAAT PENYIMPANAN Dokumen Percukaian



Membantu pembayar cukai membuat semakan semula

Membantu dalam pembetulan dan permohonan pengurangan cukai.

Memudahkan semakan oleh HASiL

Memudahkan proses semakan dan audit.




Mematuhi undang-undang cukai pendapatan

Menjamin pematuhan dengan peraturan dan undang-undang cukai.

Memudahkan pengiraan cukai

Membantu dalam pengiraan dan pelaporan cukai yang tepat.



TAHUKAH ANDA?


S82 dan 82A ACP 1967 menyatakan kegagalan untuk mematuhi peruntukan akta penyimpanan rekod boleh dikenakan denda atau penjara untuk suatu tempoh tertentu



PERKHIDMATAN Dalam Talian LHDNM



e-Filing



Pengguna Kali Pertama
First Time User

Mohon Nombor PIN di e-KYC/
MyTax/ Pejabat HASiL / UTC
/ Pusat Khidmat Hasil yang
berdekatan
**Peringatan : Wakil dibenarkan
dengan membawa surat kuasa /
kebenaran*

Get your PIN Number via e-KYC/
MyTax/ HASiL Branches / UTC /
Revenue Service Centre only.
**Reminder : Representative is
allowed with authorized letter from
tax payer*

Email

Password

[forgot password?](#)

Log In

**Langkah-Langkah Untuk Log Masuk
Kali Pertama**
Steps For First Time Login

- Klik e-Filing / *Click e-Filing*
- Log masuk kali pertama
First Time Login
- Masukkan nombor Pin dan nombor MyKad
Key In PIN number and MyKad number
- Cipta kata laluan dan frasa keselamatan
Create Password and Security phrase
- Pilih borang yang betul / *Choose correct form*
- Isi dan lengkapkan borang
Fill In and complete the form
- Sahkan Maklumat / *Verify Information*
- Tandatangan dan hantar / *Sign and submit*
- Cetak salinan pengesahan
Print Acknowledgment receipt

**Pengguna Sedia Ada
(Terlupa Kata Laluan)**
Existing User (Forgot Password)

- Reset kata laluan melalui MyTax :
Reset password via MyTax:
 - e-mel berdaftar dengan HASiL;
Registered email with HASiL
 - Hadir ke Pejabat HASiL
berdekatan
Visit to nearest HASiL office

**Langkah-Langkah Untuk Pengguna
Sedia Ada (Terlupa Kata Laluan)**
*Steps For Existing User
(Forgot Password)*

- Log masuk MyTax
Log in MyTax
- Terlupa kata laluan
Forgot password
- Pilih e-mel berdaftar
dengan LHDNM
Select e-mel registered with LHDNM


Jika tiada e-mel berdaftar, hadir ke Pejabat HASiL berdekatan untuk reset kata laluan.
Visit to nearest HASiL's Office if there is no e-mel registered with LHDNM to reset your password.

e-Invois

- e-Invois merupakan representasi digital antara penjual dan pembeli.
- e-Invois mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional.
- Sebagai contoh: butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga, dan jumlah keseluruhan, yang merekodkan data transaksi operasi harian.

Pembayar cukai boleh memilih mekanisme yang paling bersesuaian berdasarkan keperluan perniagaan dan keadaan tertentu, sama ada:

- Portal MyInvois
 - Portal yang dihoskan oleh LHDNM (tiada kos)
 - Boleh diakses oleh pembayar cukai yang perlu mengeluarkan e-Invois ketika mana API tidak tersedia
- Application Programming Interface (API)
 - Memerlukan pelaburan awal dalam teknologi dan pelarasan kepada sistem sedia ada
 - Sesuai untuk pembayar cukai/ perniagaan yang besar





10 Perkara Perlu Tahu Tentang Cukai Pendapatan Individu

1

Saraan bersih bulanan yang dikenakan cukai selepas pemotongan KWSP RM 3,111 (kategori bujang)
Monthly net income taxable after EPF deduction RM 3,111 (for single assessment)

2

Dapatkan nombor cukai pendapatan di e-daftar (<https://mytax.hasil.gov.my/>)
Register your income tax number via e-daftar (<https://mytax.hasil.gov.my/>)

3

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya layak dikenakan cukai?
What should I do if my income is taxable?

- Daftar no. cukai pendapatan / Register for income tax number
- Hantar dan lapor pendapatan / Submit and declare income
- Bayar tunggakan cukai / Pay any tax arrears
- Simpan dokumen dengan lengkap dan teratur / Keep proper tax documents


4

Terdapat 21 pelepasan cukai yang layak dituntut oleh pembayar cukai
There are 21 tax reliefs that can be claimed by a taxpayer

5

Perbezaan rebat dan pelepasan cukai
Differences between tax rebate and tax relief

- Rebate Cukai : Individu yang mempunyai pendapatan bercukai RM 35,000 layak menuntut rebat (RM 400).
Tax rebate : Individuals who have taxable income of RM 35,000 are eligible to claim a rebate of (RM 400).
- Pelepasan Cukai : Amaun yang dibenarkan untuk tolakan ke atas pendapatan yang diterima.
Tax relief : Amount allowed to be deducted from the income received.



6

Apakah itu Potongan Cukai Bulanan (PCB)?

What is Monthly Tax Deduction (MTD)?

- PCB adalah potongan cukai pendapatan secara bulanan yang dilakukan oleh majikan.
MTD is an income tax deduction on a monthly basis by the employer.
- Membantu untuk mengurangkan beban membayar cukai sekali gus.
Helps to reduce the burden of paying taxes at once.
- Potongan dibuat berdasarkan jumlah saran bersih bulanan pembayar cukai.
Deductions are made based on the taxpayer's monthly net remuneration amount.
- Ditolak daripada gaji bulanan yang diterima oleh pembayar cukai yang layak.
Deducted from the monthly salary received by the eligible taxpayer.

8

Apakah yang perlu saya lakukan jika ingin menggunakan sistem e-Filing?

What should I do if I want to login e-Filing system?

- Perlu dapatkan nombor PIN dari Borang Maklum balas Pelanggan
Must get the PIN number via Customer Feedback Form at HASiL portal

7

Bagaimanakah cara untuk menghantar Borang Nyata (BN)?

How to submit Return Form (RF)?

- e-Filing melalui MyTax
E-Filing via MyTax

9

Apakah yang perlu saya lakukan jika terlupa kata laluan e-Filing?

Set semula kata laluan melalui:

What should I do if I forgot my e-Filing password?

Reset your password via:

- E-mel berdaftar melalui MyTax.
Registered email with HASiL via MyTax

10

Cara bayaran cukai pendapatan

Tax payment method

- ByrHASiL / ByrHASiL
- Perbankan internet / Internet Banking
- Kad kredit / Credit card
- Kaunter bayaran / Payment counter



2025 RISALAH NASIHAT PERCUKAIAN

PENAFIAN:

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan